

Kearifan Lokal Masyarakat Lun Bawang Menerusi Kraf Manik Keramik

Local wisdom of Lun Bawang Community Through Ceramic Beads Craft

**Tajul Shuhaizam Said,
Harozila Ramli,
Khairul Rifqy Jailani &
Nurliyana Ibrahim**

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
tajul@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini memfokuskan kepada kearifan lokal Masyarakat Lun Bawang menerusi penghasilan kraf manik seramik. Kaum Lun Bawang terkenal dengan penghasilan perhiasan manik yang menjadi warisan kraftangan masyarakatnya sejak turun-temurun. Pengetahuan tentang reka cipta barangan daripada sumber alam semulajadi merupakan satu manifesto kearifan lokal yang telah wujud dalam budaya masyarakat Lun Bawang. Kaedah kualitatif menerusi pemerhatian di lapangan selama 12 bulan telah membuktikan bahawa masyarakat Lun Bawang sangat bijak mengadaptasikan sumber alam semulajadi sebagai idea bagi penghasilan kraf manik seramik. Nilai keindahan apresiasi masyarakat Lun Bawang terhadap ciptaan objek seni dalam budaya mereka adalah satu refleksi terhadap ketelitian observasi tentang fungsi dan sifat bahan alam sebagai bahan utama bagi penghasilan objek seni. Sumber alam semulajadi juga telah diadaptasikan sebagai motif dalam ragam hias kraf manik seramik kaum Lun Bawang yang dikaitkan dengan kepercayaan dan falsafah budaya masyarakat setempat.

Kata kunci: kearifan lokal, Lun Bawang, manik, adaptasi

Abstract

This study focuses on the local wisdom of the Lun Bawang Community through the production of ceramic beads. The Lun Bawang is famous for the creating of the bead jewelry that has become the heritage of its community handicrafts since its inception. Knowledge of inventions of natural resources is a manifestation of local wisdom inherent in the culture of this society. The qualitative method of field observation for 12 months has proven that the Lun Bawang community is very wise adopting natural resources as an idea for the production of ceramic beads. The value of the beauty of Lun Bawang's apology to the creation of art objects in their culture is a reflection to the observation accuracy of the function and minerals of nature as the main ingredient for the production of art objects. Natural resources have also been adapted as a motif in the style of the Lun Bawang ceramics beads craft associated with local cultural beliefs and philosophies.

Keywords: local wisdom, Lun Bawang, bead, adaptation

PENGENALAN

Kaum Lun Bawang terkenal dengan sosio budayanya yang masih mengekalkan tradisi dan kraf tempatan sehingga hari ini. Kemasukan agama kristian ke dalam perkampungan masyarakat Lun Bawang pada tahun 1930-an telah memberi kesan kepada tradisi lama masyarakat Lun Bawang kerana pemansuhan adat lama yang bertentangan dengan agama kristian banyak berlaku. Namun begitu, penghasilan kraftangan

masyarakat Lun Bawang masih aktif sehingga hari ini bahkan permintaan tempatan pasaran tempatan semakin melonjak naik kerana nilai dan estetika kraftangan masyarakat Lun bawang telah menarik perhatian masyarakat tempatan.

Kraftangan manik kaum Lun Bawang khususnya telah menjadi perbualan orang ramai di kepulauan borneo. Nilai dan estetikanya yang unik dan menarik telah menambat hati orang ramai. Penghasilan manik oleh kaum Lun bawang telah menjadi satu pekerjaan di waktu lapang selepas musim menuai padi. Penghasilan manik oleh masyarakat Lun Bawang sejak turun temurun telah memberi impak yang positif kepada kerajaan negeri Sarawak dan sehingga kini kerajaan negeri Sarawak sentiasa menyediakan peruntukkan bagi memberi kemudahan-kemudahan bagi proses penghasilan manik ini. Selain itu, kraftangan kaum Lun Bawang yang lain seperti pakaian tradisional, bakul, tikar, topi, bekas minuman, bungkusan makanan, peralatan mempertahankan diri dan perhiasan diri juga mendapat perhatian di pasaran tempatan.

Asal Usul Masyarakat Lun Bawang

Istilah Lun Bawang merujuk kepada Orang Ulu atau orang pedalaman yang menetap di kawasan kaki bukit dan berdekatan dengan sungai. Lun Bawang juga merujuk kepada sebuah masyarakat yang hidup dengan berhijrah dari satu tempat ke satu tempat di pulau Borneo bagi meneruskan hidup melalui sumber alam semulajadi yang di sekelilingnya. Namun begitu, masyarakat Lun bawang terdahulunya digelar sebagai kaum Murut. Menurut Tom Harrisson (1959) dan S. Runciman (1960), kaum ini adalah yang terawal menetap di kawasan pergunungan di pertengahan Pulau Borneo. Di Sarawak, kebanyakan masyarakat Lun Bawang menetap di bahagian kelima terutama di Lawas, Trusan dan di persisiran sungai Limbang. Lun Bawang juga terdapat di Kalimantan, Sabah dan Brunei. Di Sabah, mereka dikenali dengan panggilan Lun Dayeh.



Rajah 1 Peta Kepulauan Borneo

Masa kini, sebahagian besar kaum ini masih tinggal di Kalimantan Indonesia; 25,000 di Kalimantan, Di Sarawak terdapat kira-kira 20,000 orang Lun Bawang di kawasan Daerah Lawas dan Limbang. Lawas ialah sebuah pekan kecil yang berlatar belakang banjaran Gunung Crocker. Ia mengambil masa 45 minit dari Miri, menggunakan pesawat kecil atau pengangkutan darat untuk sampai ke Lawas mesti terlebih dahulu melintasi Brunei. Kedudukannya terletak di antara Brunei dengan Sabah, di koridor timur laut Sarawak.



Rajah 2 Peta Bahagian Utara Sarawak Penempatan Majoriti Kaum Lun Bawang

Lun Bawang mempunyai kebudayaan dan ciri-ciri linguistik yang hampir sama dengan kaum Kelabit, Tagal, Adang dan Tabun. Seperti kumpulan Orang Ulu yang lain, Kaum Lun Bawang juga dahulu tinggal di rumah panjang tetapi kini arus pembangunan telah mengubah cara hidup kebanyakan mereka. Kini, kebanyakan kampung masyarakat Lun Bawang tidak menginap di rumah panjang lagi, terutamanya di kawasan bandar Lawas dan Limbang. Kaum Lun Bawang juga seperti kaum yang lain di Sarawak yang kebanyakannya berkerja sebagai petani yang menanam padi bukit dan padi sawah. Mereka juga menanam sayur-sayuran dan menternak binatang seperti kerbau, babi dan ayam. Kebanyakan masa mereka digunakan dalam kegiatan pertanian yang merupakan punca pendapatan mereka.

Seperti masyarakat lain di Malaysia, masyarakat Lun Bawang juga tidak ketinggalan dalam memelihara tradisi dan budaya yang dikhuatiri pupus pada suatu hari nanti. Masyarakat Lun Bawang menganut agama Kristian. Di setiap kampung bangunan Gereja merupakan bangunan utama yang menjadi tempat mereka berkumpul untuk berdoa. Walaupun masyarakat Lun Bawang telah banyak mengalami proses pembangunan seperti masyarakat lain di Sarawak, tetapi mereka masih mengekalkan budaya yang menjadi kebanggaan atau identiti masyarakat Lun Bawang. Ini dapat kita lihat pada barangan seperti kraftangan, alat muzik, tarian, dan pakaian tradisional yang sinonim dengan masyarakat Lun Bawang.

Antara tradisi dan budaya masyarakat Lun bawang yang sehingga kininya masih mampu menarik perhatian para pelancong dan masyarakat majmuk di Malaysia adalah penghasilan perhiasan maniknya. Hal ini lebih terbukti apabila tibanya tanggal 1hb Jun setiap tahun yang diadakan satu pesta yang dinamakan Irau Aco Lun Bawang dirayakan di bandar Lawas sempena perayaan hari Gawai Dayak. Semasa perayaan ini berlangsung pelbagai pertunjukan kebudayaan dari suku kaum Lun Bawang dapat disaksikan. Perhiasan manik dengan motif-motif yang unik pasti kelihatan di antara pengunjung yang hadir ketika itu dan kebanyakannya dari masyarakat Lun Bawang sendiri.

Perhiasan Manik Kaum Lun Bawang

Gubahan manik merupakan satu seni kraftangan yang begitu popular di Sarawak. Sejak zaman berzaman kemahiran menggubah manik telah menjadi satu seni tradisi di kalangan masyarakat etnik sabah dan Sarawak. Manik merupakan perhiasan diri yang digemari dan masih dijadikan perhiasan oleh masyarakat etnik di Kepulauan Borneo. Untaian manik menjadi hiasan pilihan pada pakaian tradisional selain daripada perhiasan perak. Hiasan manik banyak digunakan oleh suku kaum etnik di Sarawak seperti Orang Ulu (kaum Kayan dan Kenyah), Lun Bawang, Kelabit, Iban, Bidayuh dan Melanau. Manakala di Sabah manik amat digemari oleh suku kaum Kadazan Dusun, Rungus dan Murut.

Pelbagai jenis manik yang sering digunakan antaranya manik yang diperbuat daripada gigi binatang, tulang, cengkerang dan serpihan logam. Gubahan manik merupakan satu seni kraftangan yang begitu popular di Sarawak. Sejak zaman berzaman kemahiran menggubah manik telah menjadi satu seni tradisi di kalangan Etnik Sabah dan Sarawak. Antara jenis manik yang dibuat ialah daripada jenis kaca, permata, batu akik dan seramik.

Manik sebenarnya adalah lebih tua usianya daripada zaman tamadun manusia dan manik-manik yang paling awal dahulu telah diperbuat daripada kulit kerang, gigi, dan biji buah-buahan yang dilubangkan dan dicucukkan dengan tali. Menurut kajian, manik yang ada di Sarawak dibawa masuk dari Mesir, Greece, India dan China semenjak beratus-ratus tahun dahulu. Sir Roland Bradell (1947) dalam kertas kerjanya tentang sejarah Malaysia mendapati bahawa ada manik yang ditemui di Sarawak tersebut dibawa masuk oleh pedagang Sabeen pada zaman pra-Kristian. Pada tahun 1930, H.C. Beck mendapati bahawa rantai leher manik dan karangan manik enam sejajar yang ditemui di Sarawak adalah sama dengan rantai leher dan karangan manik yang ditemui di Greece dan Rom. Manik tersebut banyak digunakan oleh kaum Kelabit dan Bidayuh di Sarawak. Kajian sejarah juga menunjukkan bahawa manik-manik tersebut dibuat sendiri oleh pribumi Sarawak daripada bahan-bahan mentah yang diimport dari negara-negara di Timur Tengah pada abad ke-12 Masehi yang terdiri daripada kaca lebur.

Manik menjadi perhiasan diri yang dipakai sejak dahulu kerana ianya melambangkan status dan kemewahan seseorang. Manik juga dijadikan sebagai pertukaran mata wang dan hantaran perkahwinan. Sehingga kini kegiatan membuat kraf manik masih dijalankan oleh penduduk tempatan di Sabah dan Sarawak. Manik-manik dijahit dan disulam indah menjadi perhiasan pakaian, tali pinggang, hiasan kepala,

bakul dan keperluan harian lainnya. Manik merupakan harta pusaka kaum wanita yang dianggap sangat berharga bagi masyarakat Lun Bawang.



Rajah 3 Perhiasan manik kaum Lun Bawang

Perhiasan manik bagi masyarakat lun bawang adalah sebuah harta yang wajib ada bagi setiap keluarga. Bahkan, sehingga zaman ini, keluarga yang berasal dari turun-termurun masyarakat lun bawang masih menjadikan perhiasan manik sebagai harta dalam keluarga mereka.

Menurut Meechang Tuie pada tahun 1995 di dalam bukunya yang bertajuk Masyarakat Lun Bawang Sarawak-Suatu Pengenalan, perkataan ‘manik’ dalam bahasa lun bawang adalah baw. Terdapat pelbagai jenis baw dalam simpanan masyarakat Lun Bawang pada masa kini. Antaranya ialah Baw tulang (tulang item, buso, mon), Baw birar (birar sebpur, mon, making, baw), Baw sia dara’, Baw bata’ (bata’ buda’ lubang, mon, udu), Baw burung murit, Baw item barat, Alet tabu’, Aki’ batang, Baw burur lana, Alet birar, Alet buda’, Baw dier sukur, Alet sia’, Baw match baling, Ribuyung da Mana mon.


Antara Contoh-contoh manik atau baw perhiasan kepala Lun Bawang



Rajah 4 Pata Baw


Pata Baw merupakan perhiasan yang terletak di kepala wanita Kaum Lun Bawang. Pata Bawang juga menentukan status perkahwinan dan pangkat bagi kaum wanita. Namun hari-hari ini, fungsi Pata Baw lebih dijadikan sebagai perhiasan kaum wanita Lun Bawang secara umum.

Nama setiap bahagian Pata Baw



Rajah 5 Bahagian-bahagian Pata Baw

Fungsi estetika dari aksesori atau perhiasan manik lun bawang adalah untuk menyerikan penampilan si pemakainya. Selain dari nilai estetika, perhiasan manik kaum Lun Bawang juga memiliki fungsi sosial, ciri-ciri stratifikasi atau status sosial si pemakainya dan memiliki fungsi simbolik. Selain Pata Baw, perhiasan manik yang lain juga dapat dilihat pada kaum wanita Lun Bawang.



Rajah 6 Perhiasan Manik Kaum Lun Bawang

Fenomena Manik Lun Bawang

Masyarakat Lun Bawang suatu ketika dahulu menghasilkan manik secara tradisional iaitu melalui proses gentelan, pengeringan dan pembakaran. Pewarnaan atau glazing tidak ditekankan kerana kekurangan pengetahuan dan bahan. Pewarnaan manik mengikut warna alam iaitu warna tanah sungai yang diambil untuk proses penghasilan manik. Potensi warna manik ditentukan oleh warna semula jadi yang hakiki pada sumber alam dan bergantung pada jenis coloring matter yang ada pada tanah sungai tersebut.



Rajah 7 Tanah Sungai Air Tawar

Tanah sungai kawasan Lawas, Sarawak merupakan tanah jenis Tanah Alluvial atau Tanah Endapan. Tanah Alluvial ialah sejenis tanah yang umumnya terdapat di sepanjang aliran sungai. Sifat tanah ini sangat dipengaruhi oleh material yang terkandung dalam sungai yang melaluinya. Tanah alluvial atau alluvium ini adalah tanah hasil pengikisan tebingan sungai yang diendap di dataran rendah. Ciri-ciri tanah alluvial ini adalah berwarna kelabu dan subur. Tanah ini sesuai untuk tanaman padi, tebu, kelapa, tembakau, dan buah-buahan. Tanah jenis ini banyak terdapat di bahagian persisiran sungai Sarawak, Sabah dan Kalimantan Indonesia.

Pengusaha manik menggunakan tanah sungai yang terdapat di kawasan tinggalnya. Tanah-tanah itu kemudiannya ditumbuk menggunakan lesung kaki. Selepas itu diayak dan ditapis untuk memisahkan sampah-sarap dan ketul-ketul batu yang ada. Setelah proses ayak, tanah itu diuli supaya ia menjadi padat. Proses ini memerlukan ketelitian bagi memastikan tanah itu menjadi padat dan bebas daripada gelembung udara. Tanah itu kemudiannya dibentuk menjadi silinder untuk memudahkan proses berikutnya.



Rajah 8 Proses penapisan tanah sungai

Proses membentuk manik adalah sangat penting dalam menghasilkan manik Lun Bawang. Teknik inilah yang menentukan keindahan dan kekuatan manik tersebut. Teknik gentelan diaplikasikan dalam menghasilkan bentuk manik. Oleh itu, kemahiran menggentel dengan menggunakan tapak tangan berperanan penting dalam pembentukan permukaan manik yang masih separuh kering.

Proses mengukir manik juga memerlukan kemahiran yang tinggi kerana ketelitian amat dititikberatkan. Dengan saiz manik yang kecil, pengusaha manik ini menggunakan batang lidi atau dawai yang bersaiz kecil untuk melorek bahagian permukaan manik bersesuaian dengan motif-motif tradisi manik

Lun Bawang. Setelah selesai melorek, pengusaha menggunakan lidi untuk menebuk bahagian tengah gentelan manik yang masih separa kering bagi proses seterusnya.



Rajah 9 Gentelan Manik yang siap ditebuk

Pembakaran biskuit merupakan inti dari pembuatan seramik di mana proses ini mengubah manik yang separa kering menjadi manik yang padat, keras, dan kuat. Pembakaran biskuit juga dikenali sebagai pembakaran suhu rendah. Bagi pembakaran suhu rendah, peringkat pembakaran adalah pada suhu 900 celsius selama 8 hingga 9 jam. Ia berfungsi untuk menguatkan binaan manik seramik tersebut. Proses pembakaran dibuat dalam sebuah tungku/furnace yang bersuhu tinggi. Terdapat beberapa parameter yang mempengaruhi hasil pembakaran manik iaitu suhu sintering/matang, atmosfer tungku dan mineral yang terlibat (Magetti, 1982). Selama pembakaran, manik seramik ini mengalami beberapa reaksi-reaksi penting iaitu hilang atau muncul fasa-fasa mineral dan hilang berat (weight loss). Secara umum, tahap-tahap pembakaran mahupun kawalan suhu api furnace harus dicatatkan dalam jadual pembakaran bagi memudahkan pengawalan suhu api.

Pembakaran biskuit merupakan tahap yang sangat penting kerana melalui pembakaran yang menjadikan manik separa kering kepada biskuit. Biskuit (bisque) merupakan suatu istilah untuk menyatakan seramik yang telah dibakar pada kisaran suhu 700 – 1000 darjah celcius. Pembakaran biskuit sudah cukup membuat suatu seramik menjadi kuat, keras dan kedap air. Pembakaran biskuit yang telah selesai dibiarkan kering untuk proses berikutnya.

Proses glazing atau mewarna merupakan tahap yang menentukan ketimbulan corak dan warna pada manik tersebut sebelum kepada proses terakhir iaitu pembakaran glazing. Manik yang telah berbentuk biskuit dilapis dengan warna glazing melalui teknik celupan, dan dicorakkan dengan menggunakan lidi atau berus warna bersaiz kecil. Fungsi glazing pada manik adalah untuk menambah keindahan dari segi persembahan idea reka corak pada permukaan manik. Bagi membezakan produk seramik seseorang dengan pengusaha yang lain, warna adalah faktor utama yang boleh dibezakan pada barangan seramik tersebut. Ini kerana warna atau dikenali sebagai glaze perlu dibuat sendiri oleh pengusaha. Proses pembuatan glaze adalah sangat rumit serta jumlah dan resepinya adalah bergantung kepada pengusaha itu sendiri.



Rajah 10 Manik yang telah dilapisi dengan warna glaze

Manik yang telah dilapisi dengan warna glaze, akan disusun pada dawai stainless steel yang mampu bertahan pada paras suhu 1000 darjah Celsius sehingga 1500 darjah Celsius. Penelitian ini amat penting kerana proses pembakaran terakhir menggunakan suhu yang tinggi diantara 1100 darjah Celsius sehingga 1250 darjah Celsius. Untuk menahan manik dari terkena permukaan furnace, dawai stainless steel mampu menampung dan bertahan pada suhu tinggi tersebut. Proses pembakaran ini memerlukan masa selama 8 ke 9 jam dan suhu rehat 1 ke 7 jam sebelum dikeluarkan dari furnace.

Pengusaha manik di kawasan Lawas Sarawak biasanya menggunakan tali jenis cotton untuk menggantung manik. Tali jenis cotton ini tahan dan tebal berbanding tali jenis yang lain. Proses terakhir adalah manik disusuk dengan tali ini dan dibentuk mengikut jenis perhiasan manik kaum Lun Bawang. Setelah selesai disusuk bahagian hujung tali akan disimpul mati dan diselaput dengan lilin agar hujung tali ini tidak terbuka atau kusut.



Rajah 11 Tali Jenis Cotton

Kesemua proses dalam pembuatan manik ini telah diturunkan dan dipelajari dengan mengambil masa yang lama. Oleh itu, ketelitian dan kesabaran dalam menghasilkan manik ini amat dititikberatkan. Tidak hairanlah jika harga bagi perhiasan manik kaum Lun Bawang agak mahal kerana tempoh proses dan kecekalan pengusaha dalam menghasilkan manik ini mengambil masa yang panjang.

Kesimpulan

Kaum Lun bawang merupakan kaum yang begitu menjaga warisan budaya dan kraftangan mereka. Setiap identiti masyarakat Lun Bawang dapat diterokai melalui hasil-hasil kraftangan seperti perhiasan manik. Idea dan konsep penghasilan manik masih mengekalkan reka corak tradisi yang dipelajari dari nenek moyang mereka. Namun begitu, proses penghasilan manik pada masa dulu dan kini banyak mengalami perubahan dari segi kemudahan dan pewarnaan manik. Tradisi Lun Bawang dan manik-maniknya diyakini dapat menembusi pasaran luar sekaligus mengekalkan tradisi ini sehingga generasi pada masa akan datang. Harapan pengusaha perhiasan manik agar generasi muda tidak akan lupa dan terus memperkembangkan lagi kemahiran membuat manik agar tidak luput dek zaman.

Rujukan

- Asyaari Muhamad. (2002). Perkembangan tembikar prasejarah di Malaysia. *Jam*, 15-2002. Hlm. 29-35.
- Babcock, T.C. (1974). *Indigenous ethnicity in Sarawak*. Dlm. *Jerome R. (Ed.) The People of Central Borneo*.
- Bell Su'ut. (2014). Estetika "Bakad" masyarakat Lun Bawang Lawas, Sarawak: Satu kelansungan pendidikan informal. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Datan, Ipoi. (1989). A brief ethnography of the Lun Bawang of Sarawak. *Sarawak Museum Journal*. Vol. X No. 61: 143-155.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). Penghantar estetik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heidi Munan. (1989). *Sarawak craft, method, materials, and motifs*. Singapore: Oxford University Press.
- Lucas Chin. (1980). *Cultural heritage of Sarawak*. Kuching: Lee Ming Press.
- Langup, J. (1984). Economic activities of the people of Ba' Kelalan: an overview. Dlm. *Sarawak Gazette* 110; 3-17.
- Meechang Tuie. (1995). *Masyarakat Lun Bawang Sarawak suatu pengenalan*. Kuching: Desktop Publishing Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1995). Arkeologi di Malaysia: antara matlamat dan realiti. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 8, Hlm. 8.
- Pollard, F.H. (1935). *Muruts of Sarawak*. *Sarawak Museum Journal*, 4-56.